



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (06 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **18 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kesemua kes tersebut adalah di daerah Kuching (15), Miri (2) dan Samarahan (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 960 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu

I. Daerah Kuching (15 Kes Baharu).

a) Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Baki (2 Kes Baharu)

Kes Ke-943 merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang tinggal di Blok A, Kampung Haji Baki yang sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Kes telah menjalani saringan kedua ujian rT-PCR COVID-19 pada 4 November 2020 dan didapati positif pada 5 November 2020. Kes ini telah mendapat jangkitan daripada ahli keluarga yang juga telah disahkan telah dijangkiti COVID-19. Kes ini juga mempunyai sejarah penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis dan lumpuh anggota badan.

Kes Ke-946 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang tinggal di Kampung Haji Baki yang sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Kes adalah seorang peniaga di sana yang telah menjalani saringan kedua ujian rT-PCR COVID-19 pada 4 November 2020 dan didapati pada 5 November 2020.

Kes-kes ini telah menjalani saringan pertama pada 25 Oktober 2020 dan telah didapati negatif. Kedua-dua kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Mereka telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut

b) Kes Saringan bagi Kontak Kluster Greenhill (1 kes baharu)

Kes Ke-950 ini merupakan seorang pelajar, warganegara tempatan yang telah membuat saringan sendiri di sebuah hospital sawsta di Bandaraya Kuching kerana mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19. Salah seorang yang positif yang dikenal pasti ialah kes Ke-824. Kes telah menjalani ujian saringan ppada 5 November 2020 dan didapati ujian rT-PCR COVID-19 adalah positif pada hari yang sama. Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Siasatan juga telah menunjukkan kes ini mempunyai sejarah pulang dari United Kingdom pada 5 Oktober 2020 tetapi telah didapati negatif untuk ujian RTK Antigen dan juga dua (2) kali ujian rT-PCR semasa menjalani kuarantin wajib 14 hari di pusat kuarantin hotel setibanya kes di Kuching, Sarawak. Kes telah dimasukkan ke dalam wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut dan kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

c) Kes Saringan bagi Kontak Kluster Wisma Saberkas (7 Kes Baharu)

Kes Ke-953 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja sebagai penjawat awam di bangunan Wisma Saberkas. Kes telah menjalani saringan COVID-19 melalui aktiviti pengesanan kes secara aktif pada 5 November 2020 dan telah didapati positif pada hari yang sama.

Kes Ke-947, 948, 949, 951, 958 dan 959 telah disaring kerana mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan sebelum ini iaitu kes Ke-933. Kes-kes adalah dalam lingkungan umur 17 dan 83 tahun melibatkan lima (5) orang lelaki dan seorang perempuan.

Kesemua kes-kes Ke-947, 948, 949 dan 959 telah menjalani saringan COVID-19 di klinik kesihatan kerajaan pada 4 November 2020. Kes Kes Ke-951 telah menjalani saringan di sebuah hospital swasta dan Kes Ke-958 telah menjalani saringan di makmal swasta di Bandaraya Kuching pada 05 November 2020.

Kesemua kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19 dan kes-kes ini telah dimasukkan ke wad pengesanan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

d) Kes Saringan Kendiri di Hospital Swasta (2 Kes Baharu)

Kes Ke-954 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja di sebuah pasaraya di Bandaraya Kuching.

Kes Ke-956 ialah seorang wanita warganegara tempatan yang bekerja di kedai cermin mata di sebuah pasaraya yang sama dengan kes Ke-954.

Kes Ke-954 dan Ke-956 telah menjalani saringan COVID-19 di hospital swasta tersebut pada 5 November 2020 dan keputusan ujian rT-PCR kes ini didapati positif pada hari yang sama. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kedua-dua ini tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas. Kes ini masih dalam siasatan dan pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan.

e) Kes Saringan Kendiri Kontak kepada Kes Positif COVID-19 (2 Kes Baharu)

Kes Ke-955 dan 957 merupakan dua orang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana mempunyai kontak rapat dengan seorang kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan pada 5 November 2020. Kes-kes ini adalah ahli keluarga kepada kes Ke-942.

Kes Ke-955 dan Ke-957 telah menjalani saringan COVID-19 di hospital swasta tersebut pada 5 November 2020 dan keputusan ujian rT-PCR kes ini didapati positif pada hari yang sama. Kes-kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kedua-dua ini tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas. Kes ini masih dalam siasatan dan pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan.

**f) Kes Saringan Balik Dari Luar Negara (1 Kes Baharu)
(Kes Import-A)**

Kes Ke-960 ini merupakan seorang wanita rakyat tempatan yang baru balik dari Arab Saudi pada 2 November 2020 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-2).

Kes telah masuk ke Sarawak pada 3 November 2020 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin hotel untuk menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.

Semasa tiba di KLIA-2, kes telah dibuat saringan COVID-19 menggunakan ujian RTK Antigen tetapi didapati negatif untuk COVID-19. Kes kemudian menjalani ujian saringan rT-PCR pada 4 November semasa dalam kuarantin dan didapati positif COVID-19 pada 5 November 2020. Kes telah mendapat jangkitan semasa berada di luar negara iaitu Arab Saudi. Kes dikategorikan sebagai kes Import A.

II. Daerah Miri (2 Kes Baharu).

a) Kes Saringan Kontak kepada Kes Positif COVID-19 (2 kes baharu)

Kes Ke-944 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja di sebuah syarikat guaman di Miri Sarawak.

Kes Ke-945 pula merupakan seorang ahli perniagaan warganegara tempatan yang menjalankan perniagaan berpusat di Miri, Sarawak.

Kedua-dua kes ini telah disaring untuk kali kedua pada 4 November 2020 kerana mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan sebelum ini iaitu kes Ke-829 dan Kes Ke-920. Mereka tidak mengalami sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kedua-dua kes juga pernah disaring pada 28 Oktober 2020 dan didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19. Mereka tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas. Kes-kes ini telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kedua-dua kes mempunyai perkaitan dengan Kluster Greenhill, Kuching.

III. Daerah Samarahan (1 Kes Baharu)

a) Kes Saringan Kendiri Kerana Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19 (1 Kes Baharu)(Kes Import-C)

Kes Ke-952 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan telah menjalani saringan ujian rT-PCR untuk COVID-19 di sebuah hospital swasta di Kuching kerana mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19 iaitu kes Ke-927. Kes ini adalah ipar kepada kes Ke-927.

Kes telah menjalani saringan pada 5 November 2020 dan telah didapati positif pada hari yang sama. Kes tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut dan kes ini mempunyai perkaitan dengan Kluster Wisma Saberkas, Kuching. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import C iaitu kes yang telah mendapat jangkitan dari daerah yang lain iaitu Kuching.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, tiada (0) kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat enam (6) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Hari ini terdapat dua (2) penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai 32 orang termasuk kes indeks. Ini tidak termasuk 12 kes yang telah dikesan dan dilaporkan di Perak melibatkan kluster ini.

Sejumlah 2,990 individu telah disaring, dimana:

- 32 kes dikesan positif COVID-19;
- 2,958 individu negatif; dan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 1.07%. Sehingga 6 November 2020, jam 12:00 tengah hari, seramai 25 kes telah sembuh dan didiscaj dari hospital manakala tujuh (7) kes lagi masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

ii) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan tiga (3) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 67 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 875 individu telah disaring, dimana:

- 67 kes dikesan positif COVID-19;
- 796 individu negatif dan
- 12 individu masih menunggu keputusan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 7.66%. Sehingga 6 November 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah enam belas (16) kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari wad pengasingan di hospital. Ini menjadikan seramai 51 kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan kesemua mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

iii) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.

Hari ini, terdapat lapan (8) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai dua puluh tujuh (27) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 756 individu telah disaring, dimana:

- 27 kes dikesan positif COVID-19;
- 686 individu negatif; dan
- 43 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 3.57%. Sehingga 6 November 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

iv) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

v) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

vi) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **lapan belas (18)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua kes yang telah pulih dan dibenarkan didiscaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **807** orang atau **84.06%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **134** orang iaitu:

- 105 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 25 kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibul.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang** atau **1.98%**.

Hari ini **29 PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai **135** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1), tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan menilai situasi semasa yang berlaku di Sarawak. Beberapa keputusan berikut telah dibuat:

A. SOP Sektor Makanan

Bersempena dengan pengumuman 50 peratus (50%) kapasiti untuk premis makanan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan SOP Sektor Makanan diperketatkan yang perlu dipatuhi oleh semua pengusaha / pemilik premis makanan yang terletak di kawasan zon merah. SOP ini akan mula berkuatkuasa pada 8 November 2020.

B. SOP Pengurusan Bencana Semasa Pandemik COVID-19 Bagi Menghadapi Monsun Timur Laut 2020/2021.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlaku bencana banjir (Monsun Timur Laut) yang dijangka berlaku pada awal tahun depan.

Garis Panduan Pengurusan Bencana Semasa Pandemik COVID-19 telah dibentangkan kepada semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Bahagian dan Daerah untuk digunapakai semasa pengoperasian pemindahan mangsa ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan Pengoperasian Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dalam norma baharu.

3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **34 kompaun** di Daerah Kuching (28), Miri (3), Padawan (1), Betong (1) dan Samarahan (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **89 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (32), SMC (25), MPP (10), MD Marudi (9), MD Serian (5), BDA (3), MB Miri (3), MPKS (1) dan MDMJ (1).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,626 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (205), Restoran (285), Kilang (8), Bank (131), Pejabat Kerajaan (63), Penjaja (33), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (92), Tempat Riadah (51), Tapak Pembinaan (19) dan lain-lain (662).

Seramai **557 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (261), ATM (32), RELA (131), APM (81), PBT (35), KKM (8) dan lain-lain agensi (9).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,923** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
06 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	942	Total Cases still in ward	134	13.96%
New Cases	18	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	153,986	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	960	Total Death Cases	19	1.98%
IR per 100,000 population	31.12	Recovered and discharged cases	807	84.06%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	13	9,312	29	10,273
Pending Result	1	1		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	105	2	2	25	0	134
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	18	0	0	0	18
	Cummulative	676	39	47	43	2
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	24	6,811	15	620	18	511	0	12	97	150	135
Jumlah		24	6,811	15	620	18	511	0	12	97	150	135

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	261	0	7	0	3	0	0	4	4	4
2	Miri	2	906	2	53	0	30	0	1	22	22	13
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
Jumlah		2	1,200	2	71	0	42	0	2	27	27	18

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	2	578	1	115	0	109	0	4	2	2	0
2	Bintulu	0	320	0	49	0	47	0	0	2	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	121	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	1	25	0	7	0	4	0	0	3	3	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		3	2,262	1	269	0	254	0	5	10	11	0

Jumlah Besar	29	10,273	18	960	18	807	0	19	134	188	153
---------------------	-----------	---------------	-----------	------------	-----------	------------	----------	-----------	------------	------------	------------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **169** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **26 buah hotel** adalah seramai **2,324 orang**. Manakala seramai **29,736 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 06.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,397)	Hock Lee	139
2		Kuching Park	134
3		Hilton	305
4		Harbour View	220
5		Riverside (Astana Wing)	229
6		Tune Hotel	89
7		Dormani Hotel	40
8		Grand Continental	177
9		Meritin	64
10	Miri (508)	Mega Hotel	72
11		Imperial Palace	108
12		Eastwood Valley	60
13		Meritz	105
14		Miri	34
15		Dynasty	96
16		Citi Hotel	33
17	Bintulu (149)	Wasan Inn	31
18		Kidurong Inn	35
19		Motel Kapok	55
20		Faber Inn	28
21	Limbang (180)	Purnama	76
22		Seri Malaysia (Lawas)	86
23		Shangshan (Lawas)	0
24		Mandarin (Lawas)	18
25	Sibu (90)	Premier	90
Jumlah PUS			2,324

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **9 lokasi di Kuching (3), Miri (2), Samarahan (1), Betong (1), Mukah (1) dan Limbang (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,927 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 06.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	3	633
2	Miri	2	363
3	Sibu	TIADA	188
4	Samarahan	1	129
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	1	89
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	1	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	1	52
Jumlah Keseluruhan			1,927

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **50 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 06.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	1
2	MP Padawan	3
3	MP Kota Samarahan	2
4	MD Serian	3
5	MD Sri Aman	4
6	MP Sibu	9
7	BDA	1
8	MCC	15
9	MD Marudi	5
10	MD Lawas	7
Jumlah		50